

اِقْرَأْ  
IQRA

EVOLUSI  
DEKAD  
1980-2020



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan  
Selangor

# BULETIN PTAR BIL.1 / 2026 JANUARI

## UiTM CAWANGAN SELANGOR



 **IQRA'**

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UiTM CAWANGAN SELANGOR

## Taklimat Orientasi Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Dengkil

Tarikh : 8 Januari 2026 (18 Rejab 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Dengkil



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Dengkil telah menerima satu kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2025/2026 sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik antara pihak perpustakaan dan kepimpinan mahasiswa. Kunjungan ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam mewujudkan kerjasama yang lebih erat bagi memastikan peranan perpustakaan sentiasa relevan sebagai pusat sokongan akademik dan pembangunan intelektual pelajar.

Sepanjang sesi tersebut, kunjungan ini menjadi platform perbincangan dua hala yang konstruktif, membincangkan keperluan serta penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan termasuk kemudahan pembelajaran, akses kepada sumber maklumat, dan pengalaman pengguna. Secara keseluruhannya, inisiatif ini berjaya memperkukuh hubungan antara perpustakaan dan kepimpinan mahasiswa, seterusnya menyokong kecemerlangan akademik serta kebajikan mahasiswa UiTM Kampus Puncak Alam.

## Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Selangor Sesi 2025/2026 ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Puncak Alam

Tarikh : 8 Januari 2026 (18 Rejab 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Puncak Alam



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Puncak Alam telah menerima kunjungan hormat penuh signifikan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2025/2026 bertempat di PTAR Kampus Puncak Alam. Kunjungan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh hubungan strategik antara pihak perpustakaan dan kepimpinan mahasiswa demi kecemerlangan ekosistem akademik universiti.

Sesi kunjungan ini telah diserikan dengan kehadiran wakil Seksyen Perkhidmatan Pelanggan PTAR Kampus Puncak Alam iaitu Encik Hazrul Amir Tomyang, Pustakawan Kanan dan Encik Mohd Ekhwan Mohammad, Pembantu Pustakawan Tertinggi, serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Kampus Puncak Alam (MPP UCS) yang terdiri daripada Saudara Mohamad Denial Hakimi bin Abdul Shokry, Bendahari Kehormat dan Saudari Nurashikin binti Mohamad Husain, Exco Akademik dan Kerjaya bagi sesi 2025/2026.

Kunjungan hormat ini telah menjadi platform dialog konstruktif dan pertukaran idea yang dinamik antara pihak Perpustakaan dan MPP UCS, khususnya dalam membincangkan keperluan semasa mahasiswa berkaitan sokongan pembelajaran, pengajaran serta pemanfaatan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Pelbagai cadangan bernas serta maklum balas proaktif telah dikemukakan oleh pihak MPP sebagai usaha penambahbaikan berterusan agar perkhidmatan PTAR kekal relevan, progresif dan selari dengan keperluan mahasiswa masa kini.

Diharapkan kunjungan hormat ini bukan sahaja dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara Perpustakaan dan Majlis Perwakilan Pelajar, malah menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif kolaboratif yang mampan, seterusnya memberi manfaat berterusan kepada seluruh warga universiti, khususnya mahasiswa UiTM Kampus Puncak Alam.

## Lawatan Pensyarah Penyelia Latihan Industri Fakulti Sains Maklumat

Tarikh : 9 Januari 2026 (19 Rejab 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Puncak Alam



PTAR Kampus Puncak Alam telah menerima lawatan pensyarah penyelia latihan industri Fakulti Sains Maklumat bagi menilai pelaksanaan latihan industri pelajar serta memperkukuh kerjasama strategik universiti dan industri ke arah melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing.

Lawatan ini bertujuan memberi ruang kepada pensyarah penyelia, diketuai oleh Puan Siti Fazlina Mohamed Raffi, Timbalan Ketua Pustakawan (M)(KUP) untuk menilai prestasi, skop tugas, persekitaran kerja serta tahap profesionalisme pelajar melalui sesi perbincangan dua hala. Maklum balas yang diperolehi menjadi asas penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kualiti latihan industri. Secara keseluruhan, lawatan ini memperkukuh pembangunan kemahiran pelajar serta peranan Fakulti Sains Maklumat dalam melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan selari dengan keperluan industri semasa.

## Jelajah Ilmu @ PTAR Dengkil

Tarikh : 14 Januari 2026 (26 Rejab 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Dengkil



Program Jelajah Ilmu@PTAR Dengkil telah berjaya dianjurkan dengan jayanya di Perkarangan Bangunan Dinamik, mencatatkan penyertaan yang amat memberangsangkan seramai 987 orang dalam kalangan warga kampus. Penganjuran program ini bertujuan untuk memperluaskan lagi promosi serta pendedahan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) kepada seluruh komuniti kampus, sekali gus memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat rujukan ilmu yang dinamik dan relevan.


Sepanjang program berlangsung, pelbagai perkhidmatan telah diketengahkan kepada para pengunjung, antaranya termasuk perkhidmatan peminjaman dan pemulangan buku secara terus di lokasi, sesi konsultasi pengguna bagi membantu keperluan pencarian maklumat, pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan sebagai usaha penambahbaikan berterusan, pameran buku-buku terbaharu yang menarik perhatian, serta promosi perkhidmatan eLib yang memudahkan akses kepada sumber digital. Selain itu, aktiviti interaktif seperti speed reading turut diadakan bagi menarik minat dan penglibatan aktif para peserta.

Secara keseluruhannya, program ini telah berlangsung dengan lancar dan teratur hasil kerjasama padu semua pihak yang terlibat. Impaknya, program ini bukan sahaja berjaya meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR, malah turut mendorong peningkatan penggunaan kemudahan perpustakaan dalam kalangan warga UiTM Kampus Dengkil secara lebih menyeluruh dan berterusan.

## Bicara Ilmu Siri 1: Isra' Mikraj

Tarikh : 16 Januari 2026 (28 Rejab 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Dengkil



Program Bicara Ilmu Siri 1 yang bertajuk Israk Mikraj telah berjaya dilaksanakan pada 16 Januari 2026, bermula dari jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi melalui medium Google Meet serta disiarkan secara langsung di platform YouTube. Program ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan penyertaan seramai 2,295 orang dalam kalangan warga UiTM Kampus Dengkil.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Ahmad Firdaus Bin Ismail, Penolong Pendaftar Kanan UiTM Kampus Dengkil, yang telah mengupas dengan jelas dan terperinci mengenai peristiwa agung Israk dan Mikraj. Perkongsian tersebut bukan sahaja menekankan aspek sejarah dan kronologi peristiwa, malah turut menghuraikan hikmah serta pengajaran yang boleh diambil dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian sebagai seorang Muslim.

Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan serta kefahaman warga kampus terhadap kepentingan peristiwa Israk dan Mikraj, di samping menyemai nilai-nilai keinsafan, keimanan dan ketakwaan dalam diri setiap individu. Selain itu, platform secara dalam talian yang digunakan turut memberi peluang kepada penyertaan yang lebih meluas dan inklusif.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan teratur, serta berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sambutan yang amat menggalakkan ini mencerminkan minat dan komitmen warga UiTM Kampus Dengkil dalam menyertai program-program berbentuk ilmiah dan kerohanian.

## Program Derma Darah Anjuran Briged Sukarelawan Perpustakaan Dengan Kerjasama PTAR Dengkil , Pusat Kesihatan UiTM Dengkil dan Kelab Bulan Sabit Merah Malaysia

Tarikh : 16 - 17 Januari 2026 (28 29 Rejab 1447H)  
Lokasi : Ruang LCE, Bilik Bacaan Luar PTAR UiTM Kampus Dengkil



Program Derma Darah anjuran Briged Sukarelawan Perpustakaan dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Kampus Dengkil, Pusat Kesihatan UiTM Kampus Dengkil serta Kelab Bulan Sabit Merah Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada 16 hingga 17 Januari 2026 bertempat di Bilik Bacaan, PTAR Dengkil. Program ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan penyertaan seramai 675 orang peserta dalam kalangan warga kampus, sekali gus mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan aktiviti kemanusiaan.

Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menderma darah sebagai satu amalan mulia yang mampu menyelamatkan nyawa, di samping membantu menambah dan memastikan bekalan darah negara sentiasa mencukupi. Selain itu, program ini turut berperanan dalam memupuk nilai keprihatinan, semangat sukarelawan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga kampus melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kebajikan.

Sepanjang program berlangsung, segala urusan telah dijalankan secara sistematik dan teratur hasil kerjasama erat semua pihak yang terlibat, termasuk proses pendaftaran, saringan kesihatan dan pendermaan darah yang dikendalikan oleh petugas bertauliah. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, di samping menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada warga UiTM Kampus Dengkil.

## Lawatan Pensyarah Penyelia Latihan Industri Fakulti Sains Maklumat

Tarikh : 23 Januari 2026 (4 Syaaban 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Puncak Alam



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah menerima lawatan pensyarah penyelia latihan industri daripada Fakulti Sains Maklumat, iaitu Dr. Adillah Mustafa, sebagai satu inisiatif dalam memperkukuh hubungan strategik antara pihak universiti dan industri. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memastikan pelaksanaan latihan industri berjalan dengan efektif serta memenuhi keperluan semasa.

Sepanjang lawatan tersebut, fokus utama diberikan kepada penilaian pelaksanaan latihan industri pelajar yang sedang menjalani latihan di PTAR. Perbincangan yang diadakan turut menyentuh aspek pemantauan prestasi pelajar, kesesuaian tugas yang diberikan, serta tahap pencapaian kemahiran yang diperoleh sepanjang tempoh latihan. Selain itu, sesi ini juga menjadi platform bagi bertukar pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan program latihan industri secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, lawatan ini bukan sahaja memperkukuh jalinan kerjasama antara universiti dan pihak industri, malah turut menyumbang kepada usaha melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Inisiatif sebegini dilihat amat penting dalam memastikan program latihan industri sentiasa relevan dan selari dengan kehendak serta perkembangan industri semasa.

## PTAR–Fakulti Sains Maklumat Perkukuh kerjasama dalam Pemeliharaan Khazanah Ilmu UiTM

Tarikh : 27 Januari 2026 (8 Syaaban 1447H)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Puncak Alam




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian PM Dr. Norhayati Hussin, Dekan Fakulti Sains Maklumat, berkunjung ke PTAR bagi sesi perbincangan strategik bersama pihak perpustakaan. Kunjungan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak, khususnya dalam usaha memartabatkan pengurusan dan pembangunan ilmu di peringkat universiti.

Perbincangan yang diadakan memfokuskan kepada pengukuhan kerjasama antara PTAR dan Fakulti Sains Maklumat (FSM), terutama dalam memperkasa pemeliharaan Khazanah Ilmu Universiti melalui pemantapan koleksi Repositori Institusi. Selain itu, pihak PTAR turut berbesar hati menerima koleksi dan rekod penting daripada fakulti sebagai sebahagian daripada usaha memperkaya pembangunan Bahan Harta Intelek dan Arkib Universiti, di samping meneroka peluang pelaksanaan program kolaborasi sepanjang tahun 2026.

## Speed Reading @ PTAR Dengkil

Tarikh : 30 Januari 2026 (12 Syaaban 1447H)  
Lokasi : DKD1, Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil



Program Speed Reading telah berjaya dianjurkan di DKD1, Pusat Asasi UiTM dengan penyertaan seramai 451 orang pelajar Pusat Asasi, menandakan sambutan yang amat menggalakkan terhadap aktiviti berbentuk pembangunan kemahiran akademik ini. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pelajar dalam membaca dengan pantas, sambil memastikan kefahaman teks tetap terpelihara, sekali gus membantu pelajar menghadapi tuntutan pembelajaran yang semakin kompleks.

Sepanjang program berlangsung, pelajar didedahkan kepada pelbagai teknik membaca pantas seperti *skimming* dan *scanning* yang bertujuan memudahkan mereka menangkap maklumat penting dengan lebih efisien. Selain itu, sesi latihan praktikal turut diadakan bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan teknik yang dipelajari dalam konteks pembelajaran sebenar. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan teratur, serta berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan, di samping meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca pantas dan memahami teks dengan lebih efektif.